KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

MITI DALAM LAKARAN SEJARAH

DETIK PERMULAAN



1951 APRIL

Sejarah tercipta apabila Unit Ekonomi Sekretariat Persekutuan ditubuhkan bagi mengendalikan hal-hal berkaitan ekonomi, perdagangan dan perusahaan negara.

1956 APRIL

- Penubuhan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan untuk memacu dua komponen utama:
  i) Ekonomi Eksport Barang
  ii) Perdagangan & Perbendaharaan



17 APRIL

Pelantikan **Anthony James Douglas Carysfort Loch** sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Perdagangan dan Perusahaan yang pertama

1957

- Penubuhan sebuah Unit di bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan iaitu Seksyen Pembangunan Perindustrian

- Perpindahan pejabat dari Pejabat Kerajaan di Jalan Raja ke Rumah Persekutuan di Jalan Sultan Hishamuddin



31 OGOS



Pelantikan **Y.Bhg. Tun Tan Siew Sin** sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan yang pertama

1958 17 APRIL

Pelantikan **Philip Francis Adams** sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Perdagangan dan Perusahaan

1959

SEPTEMBER



Pelantikan **Y.B. Tun Dr. Ismail bin Datuk Hj. Abdul Rahman** sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan

NOVEMBER



Pelantikan **Y.B. Tan Sri Mohamed Khir bin Johari** sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan

1960

30 JANUARI



Pelantikan **Ivan Denys Irvine** sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Perdagangan dan Perusahaan

30 MAC

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) ditubuhkan

30 SEPTEMBER



Pelantikan **Y.M. Tan Sri Raja Mohar bin Raja Badiozaman** sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Perdagangan dan Perusahaan

1962 — 10 OKTOBER



- Pelantikan **Y.B. Dr. Lim Swee Aun** sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan
- Pusat Daya Pengeluaran Negara ditubuhkan sebagai suatu projek bersama Dana Khas Bangsa-Bangsa Bersatu dan Kerajaan Persekutuan dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa *(ILO)* sebagai agensi pentadbir

1965


- *'FIDA Incorporated Bill'* diluluskan Parlimen
  - FIDA (Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan) ditubuhkan secara rasmi
- Pusat Daya Pengeluaran Negara menjadi sebuah Badan berautonomi melalui Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara Bilangan 19





1968

Pelantikan **Y.B. Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perusahaan



1971 — 2 JANUARI

- FIDA berpindah ke Wisma Damansara
- Pelantikan **YBhg. Tan Sri Nasruddin bin Mohamed** sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

1 FEBRUARI

Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak merasmikan pembukaan bangunan baru Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN)

KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

MITI DALAM LAKARAN SEJARAH

PERKEMBANGAN & PERLUASAN



1972 FEBRUARI

- Kementerian Perdagangan dan Perusahaan diubah nama kepada **KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN (KPP)** untuk mengendalikan:
  - Bahagian Eksport Barang-barang
  - Bahagian Perdagangan

17 APRIL

Bahagian Penguatkuasa ditubuhkan bagi mengawasi kedudukan harga barang-barang supaya berada pada paras yang munasabah dan berpatutan

11 MEI



- Pelantikan **Y.B. Tun Dr. Ismail bin Datuk Hj. Abdul Rahman** sekali lagi sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan



- Pelantikan **Y.B. Tan Sri Dato' Musa bin Hitam** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perusahaan

1 NOVEMBER

Pembukaan Pejabat cawangan FIDA Pertama di Kuantan, Pahang – Semenanjung Malaysia

1 DISEMBER

Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ditubuhkan bagi menjalankan kajian yang mendalam ke atas masalah-masalah yang berkaitan perdagangan dan perindustrian



1973

13 OGOS

Pelantikan **Y.B. Tun Hussein bin Dato' Onn** sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian

1974

SEPTEMBER



Pelantikan **Y.B. Tan Seri Hamzah bin Abu Samah** sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian

1976

15 MAC



Pelantikan **Y.B. Dato' Mohamed bin Rahmat** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian

19

78

1 JANUARI



- Pelantikan **Y.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad** dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian

1979

1 MAC

FIDA bertukar nama kepada **MIDA (Malaysian Industrial Development Authority)** untuk membawa fungsi dan tanggungjawab yang relevan kepada keadaan semasa

- Pelantikan **Y.B. Datuk Abdul Manan bin Othman** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian





- Pelantikan **Y.B. Dato' Lew Yip Hon** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian

1 SEPTEMBER

Unit Pusat FIDA ditubuhkan bagi memberi panduan dan informasi kepada pelabur mengenai dasar dan tatacara pelaburan

3 SEPTEMBER

Bangunan MIDF dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI



MITI DALAM LAKARAN SEJARAH

MENCORAK KEGEMILANGAN

1980

- Pembukaan ***MEXPO*** **(Pusat Perdagangan Eksport Malaysia)** dengan rasminya oleh Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad**

1981

SEPTEMBER

- Empat buah badan berkanun diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian:
  - i) **Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)**
  - ii) **Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN)**
  - iii) **Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM/TDC)**
  - iv) **Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)**

1 MEI

Penubuhan **BAHAGIAN PERUSAHAAN KECIL** oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi menyelaras perancangan dan perlaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program ke arah pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB)

17 JULAI



- Pelantikan **Y.M Tengku Ahmad Rithauddeen bin Tengku Ismail** sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian



- Pelantikan **Y.B. Datuk Shahrir bin Samad** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian

KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

MITI DALAM LAKARAN SEJARAH

PENGANUGERAHAN PRESTASI

19 83

- Pengenalan **2 anugerah industri di bawah FMM** iaitu:
  i) ***iExport Achievement Award***
  ii) ***New and Improved Product Development Award***



2 JUN

- Pelantikan **Y.B. Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian



- Pelantikan **Y.B. Dato' Oo Gin Sun** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian

19 84



16 APRIL

Pelantikan **YBhg. Tan Sri Dato' Azizan bin Zainal Abidin** sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

17 JULAI




Pelantikan **Y.M Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd. Hamzah** sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian

1985

Pengenalan **ANUGERAH PENGURUSAN KUALITI** sebagai lanjutan daripada Anugerah QCC Kebangsaan

11 DISEMBER

Pelancaran **MAJLIS GALAKAN EKSPORT MALAYSIA** yang dirasmikan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian **Y.M Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd. Hamzah**



27 SEPTEMBER

Pelancaran Buku **'PANDUAN PRAKTIKAL PERATURAN PERDAGANGAN ISTIMEWA ASEAN'** (Practical Guide to ASEAN Preferential Trading Arrangement) oleh YBhg. Dato' Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bangunan MITI

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN *(INDUSTRIAL MASTER PLAN, IMP)* 1986-1995

IMP merupakan teras bagi pertumbuhan sektor perkilangan yang memberi penekanan terhadap penerusan strategi perindustrian yang diterajui eksport. Ianya memberi tumpuan kepada usaha mempelbagaikan dan memperbanyakkan industri berasaskan sumber dan industri yang bukan berasaskan sumber. IMP menggariskan anjakan struktur daripada sebuah ekonomi berasaskan pertanian dan ekonomi berasaskan komoditi utama kepada ekonomi yang memberi tumpuan yang lebih besar kepada sektor perkilangan. Ianya memberi penekanan kepada kepentingan penyediaan tenaga kerja yang mempunyai kepakaran teknikal dan perindustrian dan keperluan untuk membangunkan kepakaran tempatan dalam bidang reka bentuk produk dan teknologi pengeluaran

1986



7 JANUARI

Pelantikan **Y.B. Dato' Kee Yong Wee** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian



11 OGOS

Pelantikan **Y.B. Dato' Kok Wee Kiat** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian



16 OGOS

Pelantikan **YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ahmad Sarji bin Abdul Hamid** sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian



20 MEI

1987

Pelantikan **YBhg. Datin Paduka Rafidah Aziz** sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian

1988

9 FEBRUARI

MAJLIS ANUGERAH BARANGAN DAN EKSPORT CEMERLANG 1987 dilangsungkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang disempurnakan oleh YBhg. Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan dan Perindustrian

1990 5 JANUARI

Pelancaran rasmi **LOGO KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN** telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan dan Perindustrian bersama tetamu kehormat Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad



6 FEBRUARI

Pelantikan **YBhg. Dato' Hj. Shaharuddin bin Harun** sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

17 JULAI

Lawatan rasmi oleh **DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG KE-9, AL-MARHUM TUANKU SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH IBNI AL-MARHUM SULTAN YUSSUF IZZUDDIN SHAH GHAFARULLAHU-LAH** ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian



20 MAC

Pelancaran **FALSAFAH KORPORAT dan BENDERA** Kementerian Perdagangan dan Perindustrian oleh YBhg. Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan dan Perindustrian

Falsafah Korporat Menentukan Kejayaan Perdagangan dan Industri Melalui Prinsip-prinsip:


- **Negara Sebelum Diri**
- **Berkhidmat Dengan Dedikasi**
- **Kecemerlangan Dalam Usaha**
- **Pencapaian Secara Pasukan**
- **Satu Kementerian Satu Aspirasi**

27 OKTOBER

- Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dibahagikan kepada dua bahagian:

1. **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)**
2. **KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (PKDNHEP)**

- Pelantikan **Y.B. Dato' Chua Jui Meng** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

MITI DALAM LAKARAN SEJARAH

PENANDA PRESTASI

1991

Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) diperkenalkan bagi mengiktiraf kecemerlangan di dalam produk dan perkhidmatan, pengurusan berkualiti, eksport dan penjenamaan syarikat-syarikat tempatan

20 OGOS

Pelancaran **LOGO MITI** di Majlis Anugerah Sijil-sijil Kepujian Perkhidmatan Cemerlang Kakitangan Awam 1990

1 DISEMBER

Majlis Daya Pengeluaran Negara telah dinamakan Perbadanan Produktiviti Negara *(MPC)* apabila Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Nasional (Pindaan) Akta A801 dikuatkuasakan

MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION

1992

28 JANUARI

Malaysia telah menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Serantau yang pertama yang dikenali sebagai Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN atau AFTA



1 MEI

Pelantikan **YBhg. Tan Sri Datuk Asmat bin Kamaludin** sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

1993

- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) ditubuhkan untuk membantu membuka akses pasaran bagi syarikat tempatan

- Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) ditubuhkan untuk menerajui program reka bentuk di Malaysia dan meningkatkan kepakaran, kemampuan serta standard reka bentuk industri

1995

- Malaysia menganggotai Persatuan Perdagangan Dunia *(The World Trade Organisation)*

- Perjanjian Rangka Kerja ASEAN bagi Perkhidmatan atau *ASEAN Framework Agreement on Services (AFAS)* ditandatangani



8 MEI

Pelantikan **Y.B. Dato' Kerk Choo Ting** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian

29 OGOS

- ***Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)*** telah ditubuhkan sebagai Institusi Kewangan Pembangunan milik kerajaan melalui subsidiari milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan

- **Pelan Induk Perindustrian Kedua *(Second Industrial Master Plan, IMP2)* 1996-2005**

  - IMP2 berasaskan pendekatan kelompok bagi pembangunan perindustrian dan menyediakan asas untuk mencapai sektor perindustrian yang lebih luas, berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Pendekatan pembangunan perindustrian berasaskan kelompok dalam IMP2 juga memberi penekanan kepada pertumbuhan yang seiring dalam industri sokongan, yang juga merangkumi sektor perkhidmatan. IMP2 merupakan strategi pembangunan ekonomi secara menyeluruh yang menggerakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa depan.

1996

28 OGOS

- Jabatan Standard Malaysia ditubuhkan

- Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana *(SMIDEC)* ditubuhkan untuk membantu membangunkan perniagaan kecil dan sederhana

- *Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC)* dilancarkan

1997

Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia telah dilancarkan sebagai pelan pembangunan untuk mengubah industri aeroangkasa Malaysia menjadi pemain industri aeroangkasa serantau dan antarabangsa yang dinamik menjelang tahun 2015.

1998

Penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara atau *National Economic Action Council (NEAC)*

2000

- Pelan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhanan diperkenalkan

- *The General Agreement on Trade & Services (GATS)* dilancarkan



1 MEI

Pelantikan **YBhg. Tan Sri Abdul Razak bin Hj. Ramli** sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

2003

Usaha memperkenalkan dan membangunkan Malaysia sebagai hab halal serantau bagi produk halal dimulakan

17 November

Malaysia pertama kali menganjurkan Asia Pasific Economic Cooperation (APEC) di Kuala Lumpur pada 17-18 November 1998





2004

- **Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Negara atau *National SME Development Council (NSDC)* ditubuhkan untuk menyeragamkan usaha di kalangan Kementerian dan Agensi dalam membantu pembangunan PKS dan juga menyediakan polisi rangka kerja strategik untuk PKS bergerak maju**



31 MAC

- Pelantikan **Y.B. Dato' Mah Siew Keong** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian

MIHAS
MALAYSIA INTERNATIONAL HALAL SHOWCASE

- Pameran Halal Antarabangsa Malaysia *(MIHAS)* pertama kali dianjurkan sebagai platform bagi pemain antarabangsa dan tempatan merebut peluang dalam sektor Halal termasuk farmasi Halal, alat perubatan, kewangan, fesyen sederhana, penjagaan diri dan kosmetik, teknologi hijau dan pelancongan mesra Muslim



- **Pelan Induk Perindustrian Ketiga *(Third Industrial Master Plan, IMP)* 2006-2020**

Tema *IMP3* - **"MALAYSIA KE ARAH DAYA SAING GLOBAL"**

- untuk mencapai daya saing global jangka panjang bagi industri melalui transformasi dan inovasi sektor perkilangan dan perkhidmatan, di samping menyumbang kepada teras pembangunan lain di bawah Misi Nasional dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), 2006-2010. Penekanan diberi dalam usaha meningkatkan tahap teknologi, menarik dan menjana pelaburan berkualiti, membangunkan modal insan yang inovatif dan kreatif, dan mengintegrasi industri dan perkhidmatan Malaysia ke dalam rangkaian dan rantaian bekalan serantau dan global



24 OKTOBER

Pelantikan **YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan** sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri



30 MAC


Pelantikan **Y.B. Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian

2006

2005

13 DISEMBER

Malaysia pertama kali menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Dua Hala yang dimeterai bersama Jepun



2006

Penubuhan Divisyen Pembangunan Sektor Perkhidmatan untuk mengawasi dan menguruskan pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti semua Kementerian dan Agensi Sektor Perkhidmatan



14 FEBRUARI

Pelantikan Y.B. Encik Ng Lip Yong sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian

3 SEPTEMBER

Pelantikan YBhg. Tan Sri Abdul Rahman Mamat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

2007

NOVEMBER

- **Rangka Kerja Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN *Economic Community, AEC*) ditandatangai**
- **MITI dilantik sebagai Sekretariat PEMUDAH, satu unit khas yang diwujudkan untuk membantu perniagaan**

2008



18 MAC



- Pelantikan **Y.B. Tan Sri Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin** sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri



- Pelantikan **Y.B. Datuk Liew Vui Keong** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian

- Pelantikan **Y.B. Dato' Jacob Dungau Sagan** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian

Halal Industry Development Corporation

Halal Industry Development Corporation (HDC) **ditubuhkan sebagai pusat sehenti pembangunan industri halal**

2009

- Penubuhan **Divisyen Pembangunan Sektor Keusahawanan** bagi memacu kemajuan usahawan-usahawan Bumiputera

- **MITI** merupakan **Kementerian pertama diiktiraf dengan piawaian sistem pengurusan kualiti MS ISO9001:2008**

9 APRIL

Pelantikan **Y.B. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed** sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri



10 APRIL

Pelantikan **Y.B. Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian



2010

- Model Ekonomi Baru *(NEM)* diperkenalkan menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk mengubah ekonomi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi dan pertumbuhan berkualiti pada tahun 2020

- Penubuhan Institut Automotif Malaysia *(MAI)*

Malaysia Automotive Institute

- Program Transformasi Ekonomi *(ETP)* dilancarkan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Sebanyak 131 projek telah dikenal pasti sebagai *Entry Point Project (EPP)*, termasuk Transit Aliran Massa *(MRT)* di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara *(NKEA)*, *Greater KL* dan Wilayah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur *(KLIFD)* di bawah *NKEA* Perkhidmatan Kewangan





- Akta Perdagangan Strategik 2010 *(Strategic Trade Act (STA) 2010)* diwujudkan

- *Greater Kuala Lumpur* diperkenalkan

6 DISEMBER

Pelantikan **YBhg. Tan Sri Dr Rebecca Fatima Sta Maria** sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

2011

- Pelan Utama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dilancarkan untuk meningkatkan sumbangan PKS tempatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari 32.0 peratus kepada 41.0 peratus pada tahun 2020

20 12

- MPC telah diberi mandat untuk menerajui semakan semula peraturan perniagaan secara komprehensif. MPC bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja peraturan bagi memastikan peraturan sedia ada atau baharu berada pada tahap standard dan secara berterusan

- MITI telah berjaya mengekalkan persijilan MS ISO9001:2008 yang telah diberikan oleh SIRIM QAS International

3 JULAI

- Dana Strategik Pelaburan Domestik *(DISF)* telah dilancarkan

- InvestKL ditubuhkan untuk menarik dan membantu pelaburan multinasional asing ke *Greater KL*

- Program Transformasi Perniagaan Halal *(HBT)* diperkenalkan untuk membantu syarikat tempatan menjadi pemain industri halal global

- Seramai 30,000 orang telah dilatih di bawah Skim Pembangunan PKS dan Usahawan Bumiputera

20 13

MITI melancarkan Laporan MITI versi *braille* hasil kerjasama bersama Persatuan Orang Buta Malaysia *(MAB)*. **MITI merupakan Kementerian pertama yang menerbitkan Laporan Tahunan dalam versi *braille***

15 MEI

Pelantikan **Y.B. Datuk Ir. Hj. Hamim Samuri** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian



2014

2 JANUARI

- Penubuhan *Malaysian Steel Institute (MSI)* dengan fokus untuk pembangunan, penyelidikan dan pembangunan modal insan, penyelidikan, formulasi standard dan memberi khidmat nasihat kepada industri

- Polisi Automotif Nasional 2014 *(NAP 2014)* diperkenalkan untuk mentransformasikan industri automotif Malaysia menjadi salah satu komponen penting ekonomi negara di samping meningkatkan kecekapan perniagaan sedia ada terutamanya PKS tempatan. *NAP 2014* memfokuskan untuk mengatasi isu-isu yang menjejaskan industri automotif domestik dan menggariskan langkah-langkah untuk mencapai kualiti global, memenuhi keperluan penghantaran dan kos

- MATRADE memperkenalkan program *e-Trade*, satu inisiatif di bawah Digital Malaysia dengan kerjasama *MDeC* untuk meningkatkan penggunaan e-dagang di kalangan PKS bagi membolehkan mereka mengambil bahagian dalam e-pasaran global terkemuka untuk memasarkan produk mereka



1 JULAI

Pelantikan **Y.B. Dato' Lee Chee Leong** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian

SEPTEMBER

Permohonan Saham Khas Bumiputera secara *online* diperkenalkan melalui pautan sahamonline.miti.gov.my

2015

15 JANUARI

Logo "Halal Malaysia" telah didaftarkan sebagai tanda pengesahan di bawah Akta Cap Dagangan 1976, JAKIM yang merupakan pemilik logo halal tersebut

17 MAC



Pelancaran Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia Kedua (2015-2030) oleh Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

29 MAC



- Pelantikan Y.B. Dato' Seri Ong Ka Chuan sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

- Pelantikan Y.B. Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian



22 NOVEMBER

- Sidang Kemuncak ASEAN telah diadakan di Kuala Lumpur

- Komuniti Ekonomi ASEAN atau ASEAN Economic Community (AEC) ditubuhkan. AEC menawarkan peluang pelaburan yang besar berjumlah lebih US$2.6 bilion dengan populasi seramai 630 juta penduduk

2016



- **Anugerah Transformasi dan Inovasi Perkhidmatan Psikologi dalam Perkhidmatan Awam sempena Persidangan Psikologi dalam Perkhidmatan Awam Tahun 2016 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam**



- **Penganugerahan Sijil Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Data dan Sistem Peruntukan Saham Khas Bumiputera di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri oleh SIRIM**

4 FEBRUARI

Malaysia telah menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) di Auckland, New Zealand

27 JUN

Pelantikan **Y.B. Datuk Chua Tee Yong** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian





1 JULAI

Pelantikan **YBhg. Datuk Seri J. Jayasiri** sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

2017

8 APRIL

Pameran Halal Antarabangsa Malaysia *(MIHAS)* tersenarai dalam *Malaysia Book of Records* sebagai pameran perdagangan halal terbesar di Malaysia dengan penyertaan sebanyak 580 peserta pameran dari 33 buah negara

8 MEI

- Pelan Tindakan Produktiviti Malaysia (MPB) dilancarkan bertujuan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020)
- Projek Perintis Zon Perdagangan Bebas Digital diperkenalkan
- Anugerah Pencapaian Terbaik bagi Anugerah Penilaian Inspektorat 2017 oleh ICU, PMD

2018



2 JULAI

- Pelantikan **Y.B. Datuk Ignatius Darell Leiking** sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

- Pelantikan **Y.B. Dr. Ong Kian Ming** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian

- Pelantikan **YBhg. Datuk Isham Ishak** sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

- SIRIM Berhad diwartakan sebagai agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

8 MAC

Malaysia bersama-sama 10 negara yang lain iaitu Australia, Brunei, Chile, Jepun, Kanada, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura dan Vietnam telah menandatangani Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP)



5 DISEMBER

- Institut Automotif Malaysia telah dijenama semula pada 5 Disember 2018 dan dikenali sebagai Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia atau *Malaysian Automotive, Robotics and IoT Institute (MARii)*

31 OKTOBER

- Pelancaran polisi *Industry4WRD* pada 31 Oktober 2018 untuk memandu transformasi digital sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan di Malaysia. MITI telah menerajui pembangunan polisi *Industry4WRD* ini dengan kerjasama beberapa Kementerian seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim *(MESTECC)*



- Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara

2019 JANUARI

Program Industry4WRD Readiness Assessment dilancarkan untuk menilai tahap kesediaan sesebuah organisasi untuk beralih kepada Industri 4.0



2019

18 FEBRUARI

- Pelantikan **YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali** sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri



- Penganugerahan Sijil Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Data dan Sistem Peruntukan Saham Khas Bumiputera di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri oleh SIRIM

2020




10 MAC

- Pelantikan **Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Ali** sebagai Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
  (Pelantikan semula sebagai Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 30 Ogos 2021)



- Pelantikan **Y.B. Senator Datuk Lim Ban Hong** sebagai Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.
  (Pelantikan semula sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 30 Ogos 2021)

APRIL



- *COVID-19 Intelligent Management System (CIMS)* 2.0 diwujudkan sebagai sistem pangkalan data Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi memudahkan pengurusan sektor ekonomi sepanjang pandemik COVID-19

- Penganjuran Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik 2020 atau *Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)* 2020 secara maya yang pertama di rantau Asia Pasifik menyaksikan pengisytiharan Wawasan Putrajaya 2040 dan Deklarasi Kuala Lumpur

9 JULAI

Majlis Pengukuran Kebangsaan (MPK) diwartakan sebagai agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

15 November



- Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau *(RCEP)* telah ditandatangani pada 15 November 2020 telah ditandatangani oleh Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali di dalam sidang kemuncak ASEAN. RCEP turut disertai oleh 14 buah negara dan merupakan sebuah perjanjian perdagangan bebas *(FTA)* yang diterajui ASEAN



- Penganugerahan Sijil Sistem Pengurusan *Anti-Bribery* meliputi Aktiviti Perdagangan Antarabangsa dan Pembangunan Industri termasuk Perkhidmatan Sokongan oleh SIRIM



- Penganugerahan Sijil *Anti-Bribery Management System Covering International Trade and Industry Development Activities Including Support Services* oleh IQNet